



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

## LAPORAN LIPUTAN MEDIA

**15 November 2019**

1. Mengaku sembelih babai tanpa kelulusan ; Harian Metro
2. Tiada Pihak mengaku ; Harian Metro

OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT DAN ANTARABANGSA  
BAHAGIAN PERANCANGAN  
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

MEDIA CETAK		MEDIA ELEKTRONIK	
<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL	<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL
<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR	<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR
<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO	<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO
<input checked="" type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAITS TIMES	<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAIT TIME
<input type="checkbox"/> THE SUN	<input type="checkbox"/> SUNDAY STAR	<input type="checkbox"/> THE SUN	
RUANGAN : Local		Muka Surat <input type="text" value="10"/>	RUANGAN :
PERKARA			
<input type="checkbox"/> DASAR JABATAN	<input type="checkbox"/> IMPORT EKSPORT	<input type="checkbox"/> SISTEM KUALITI	<input type="checkbox"/> PELBAGAI
<input type="checkbox"/> KESIHATAN AWAM	<input type="checkbox"/> KAWALAN PENYAKIT	<input checked="" type="checkbox"/> PENGUATKUASAAN	
<input type="checkbox"/> KEBAJIKAN HAIWAN	<input type="checkbox"/> TEKNOLOGI VETERINAR	<input type="checkbox"/> ADUAN	
TARIKH			
15.11.2019			



## Mengaku sembelih babi tanpa kelulusan

**Shah Alam:** Seorang penterokaan babi didenda RM2,000 oleh Mahkamah Majistret, semalam, atas kesalahan menyembelih haiwan ternakannya di kawasan penyembelihan haram yang boleh mendatangkan risiko perebakkan penyakit pada 29 Januari lalu.

M Nadarajan, 47, selaku Orang Kena Saman mengaku bersalah selepas pertuduhan dibacakan terhadapnya di hadapan Majistret Hanie Dzatul Akhmar Zulkeflie.

Mengikut fakta kes, Nadarajan didakwa melakukan penyembelih babi di sebuah bangsal yang tidak mendapat kelulusan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) untuk dijual kepada orang awam.

Jika haiwan ternakan disembelih di rumah penyembelihan yang diluluskan, pihak JPV akan melakukan permeriksaan ke atas haiwan yang disembelih terlebih dahulu sebelum mengesahkan haiwan berkenaan sihat dan selamat digunakan oleh orang awam atau sebaliknya.

Namun, bagi kes OKS, dia didapati menyembelih babi ternakannya di luar rumah penyembelihan dan mengakibatkannya tidak diperiksa dan

diragui kesihatan ternakan berkenaan.

Kesalahan OKS boleh menyebabkan perebakkan penyakit Zoonotik iaitu penyakit jangkitan dari haiwan kepada manusia seperti Japanese Encephalitis (JE), tibi dan Salmonellosis.

OKS didakwa melakukan kesalahan itu di Kampung Baru Sungai Buloh pada jam 9.30 malam dan serbuan JPV ketika itu turut merampas sebanyak 281 kilogram (kg) daging karkas babi.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya JPV, Tuan Anuar Sulzi Tuan Abdullah manakala OKS tidak diwakili peguam.

Tuan Anuar Sulzi meminta mahkamah menjatuhkan hukuman berat ke atas OKS bagi memberi pengajaran kepada penternak lain supaya tidak melakukan kesalahan sama.

"Kesalahan OKS adalah sangat serius kerana mendaangkan risiko perebakkan dan jangkitan virus Zoonotik kepada orang awam.

"Bangsal digunakan OKS untuk menyembelih haiwan ternakannya juga didapati tidak sesuai untuk dijalankan aktiviti penyembelihan dan berada dalam keadaan yang sangat kotor," katanya.

MEDIA CETAK	MEDIA ELEKTRONIK
<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL
<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR
<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO
<input checked="" type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAITS TIMES
<input type="checkbox"/> THE SUN	<input type="checkbox"/> SUNDAY STAR
RUANGAN : Local Muka Surat <b>5</b>	
RUANGAN :	
PERKARA	
<input type="checkbox"/> DASAR JABATAN	<input type="checkbox"/> IMPORT EKSPORT
<input type="checkbox"/> KESIHATAN AWAM	<input type="checkbox"/> KAWALAN PENYAKIT
<input type="checkbox"/> KEBAJIKAN HAIWAN	<input type="checkbox"/> TEKNOLOGI VETERINAR
<input type="checkbox"/> SISTEM KUALITI	<input type="checkbox"/> PELBAGAI
<input checked="" type="checkbox"/> PENGUATKUASAAN	<input type="checkbox"/> ADUAN
TARIKH	
<b>15.11.2019</b>	

### SUSULAN KERBAU MASUK HOTEL

# Tiada pihak mengaku tuan

Oleh Rizanizam  
Abdul Hamid  
mrizanizam@-  
hmetro.com.my

Melaka

Tiada pihak yang tampil mengaku pemilik kerbau jantan yang mati di tembak Jataan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Melaka selepas memasuki se-

buah hotel galeri di Jalan Tun Tan Cheng Lock berhampiran Jonker Walk, kelman.

Timbalan Ketua Polis Daerah Melaka Tengah, Superintendant Raiz Mukhliz Azman Aziz mengesahkan, pihaknya belum mendapat maklumat mengenai pemilik haiwan itu.

"Setakat ini masih tiada siapa tampil mengaku pemilik haiwan liar dan pihak polis akan cuba mengesan pemilik kerbau berkenaan."

Setakat ini masih tiada siapa tampil mengaku pemilik haiwan liar dan pihak polis akan cuba mengesan pemilik kerbau berkenaan"

Raiz Mukhliz Azman Aziz

dan pihak polis akan cuba mengesan pemilik kerbau berkenaan.

"Orang awam yang mempunyai maklumat boleh menghubungi Ibu Pejabat Polis Daerah Melaka Tengah di nombor 06-284 2222 untuk membantu pihak polis," katanya ketika dihubungi Harian Metro, semalam.

Difahamkan, haiwan berkecukupan terlepas ketika dibawa pemilik atau pekerja untuk ke lokasi pemindahan dan bukannya



LAPORAN Harian Metro, semalam

diternak penduduk sekitar. seberat 700 kilogram itu tersesat sebelum cuba melaporkan kerbau jantan

kawasan berkenaan jam 6 pagi kelmarin.

Ia kemudian beredar ke luar melalui kawasan kafe hotel berkenaan dan menuju ke kawasan berhampiran sebelum terperangkap dalam sebuah galeri berkenan jam 7.30 pagi.

Difahamkan, kerbau jantan itu mula berlegar-legar di sekitar kawasan Jonker Walk sejak petang Selasa dan merosakkan beberapa harta awam termasuk cermin dan pagar hotel berhampiran.

Selepas lebih dua jam terperangkap, haiwan itu berjaya ditumbangkan kakitangan JPV dengan melepaskan satu das tembak pada jam 10.15 pagi.

Kerbau berkenaan juga sempat disembelih sebelum dibawa ke rumah sembelihan JPV di Jasin untuk tinjakan lanjut.